

8 MAC 2018

Tiga lelaki cuba seludup 500kg daun ketum ditahan

Tiga lelaki cuba seludup 500kg daun ketum ditahan

ALOR SETAR - Cubaan tiga lelaki termasuk dua beradik untuk menyeludup 500 kilogram (kg) daun ketum ke Thailand gagal apabila mereka ditahan Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (Aksem) di Kota Putra, Durian Burung dekat sini kelmarin.

Tiga lelaki tempatan berusia 26, 35 dan 52 tahun itu ditahan di tepi jalan tanah merah di kawasan Batu Pengasah, Kota Putra kira-kira pukul 7 malam.

Ketua Polis Daerah Padang Terap, Deputy Superintendan Noh Idris memberitahu, sepasukan Aksem yang melakukan

rondaan menemui sebuah kenderaan pelbagai guna (MPV) jenis Toyota Unser dan motosikal Honda EX5 yang diletakkan di tepi jalan.

"Anggota Aksem kemudian menghampiri kenderaan tersebut dan menemui tiga lelaki yang mengaku sebagai pemilik kenderaan tersebut.

"Pemeriksaan lanjut menemui 104 bungkusan plastik hitam mengandungi daun ketum dianggarkan bernilai RM20,000 di dalam Toyota Unser," katanya di sini semalam.

Menurut beliau, siasatan awal mendapati, ketiga-tiga suspek

itu dipercayai memperoleh bekalan daun ketum daripada penduduk tempatan di Padang Sanai untuk dijual di negara jiran.

"Ketiga-tiga suspek yang merupakan buruh dan bekerja sendiri memiliki rekod kesalahan lampau berkaitan kesalahan sama dan kes disiasat mengikut Seksyen 30(3) Akta Racun 1952," ujarnya.

TOYOTA Unser berisi 104 plastik hitam berisi daun ketum inilah yang dinaiki tiga lelaki ketika ditahan Aksem di Kota Putra, Durian Burung, Padang Terap kelmarin.

